

Mahathir: Peristiwa tidak jejaskan pelaburan asing

Oleh BUSTAMAM
AHMAD

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, "peristiwa berdarah" di Batu Pahat Khamis lalu tidak akan menjejaskan usaha Kerajaan menarik pelaburan asing ke negara ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan akan bertindak tegas terhadap pendakwah dan badan dakwah yang cuba menyelewengkan ajaran Islam yang sebenar.

Katanya, ini bertujuan memastikan peristiwa seperti yang berlaku di Batu Pahat itu tidak berulang lagi di masa depan.

Datuk Seri Dr. Mahathir semalam mengumumkan, Kerajaan akan menjalankan siasatan rapi ke atas semua pertubuhan dakwah bagi memastikan mereka menyampaikan dakwah yang sebenarnya.

Beliau juga menegaskan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana badan dakwah yang menggunakan senjata semasa mengajar pengikutnya.

Pegang teguh

"Kita telah mengambil satu pendirian tegas mengenai perkara ini. Kita tetap akan berpegang teguh kepadanya demi menjamin keselamatan rakyat dan negara."

Saya ingin menegaskan bahawa peristiwa di Batu Pahat itu tidak sekali-kali akan menjejaskan usaha kita untuk menarik minat pelaburan asing ke negara ini.

"Semua orang sudah tahu tentang jaminan kita perkara ini tidak akan berulang lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus penerangan mengenai Perlembagaan dan Pentadbiran UMNO di Ibupejabat UMNO di sini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, Kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan pelaburan asing di negara ini dan "peristiwa berdarah" itu tidak akan mendatangkan sebarang kesan buruk terhadap minat pelabur asing.

Mengenai arahan pihak berkuasa agar Angkatan Bella Islam Malaysia (ABIM) memutuskan hubungan dan penggabungannya dengan pertubuhan luar negeri, beliau berkata, ia merupakan satu peraturan umum dan "bukan ditujukan kepada ABIM sahaja".

Menurutnya, arahan itu dikeluarkan kerana ABIM selama ini tidak memohon kebenaran Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Encik Ahmad Kamal bin Mohd. Kamal Sahaja, dalam satu laporan akhbar hari ini, mengesahkan ABIM mengadakan hubungan dengan 30 pertubuhan luar negeri.

Undang-undang Pertubuhan mewajibkan semua pertubuhan tempatan memohon kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia sebelum mengadakan perhubungan dengan pertubuhan luar negeri.